

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 20 JUN 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1242-L43638  
**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendatang asing yang telah didaftar sebagai pengundi menggunakan kad pengenalan tidak sah seperti yang dilaporkan dalam media. Sila jelaskan tindakan susulan Suruhanjaya Pilihanraya untuk menyelesaikan masalah ini.
2. PR-1242-L43997  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapakah cadangan jumlah pengurangan subsidi bahan bakar kepada penjana tenaga bebas (IPP) dan ke mana serta bagaimanakah wang dijimatkan dari pemotongan subsidi itu akan dibelanjakan.
3. PR-1242-L43263  
**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah langkah Kerajaan menyediakan garis panduan makanan di kantin sekolah akan dapat menangani masalah obesiti dan diabetes yang semakin meningkat di kalangan rakyat terutama kanak-kanak.
4. PR-1242-L44685  
**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pindaan-pindaan yang bakal dilakukan di dalam Akta 663 (Akta Bangunan dan Harta Bersama-Penyenggaraan dan Pengurusan 2007). Adakah pindaan-pindaan tersebut akan dapat menyelesaikan kes atau masalah lama yang dihadapi oleh penghuni atau pemilik rumah pangsa.

5. PR-1242-L45050  
**Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah hukuman yang dikenakan ke atas remaja yang membuang bayi dan adakah dengan adanya Rumah Perlindungan Remaja Terlanjur dapat mengurangkan isu pembuangan bayi di kalangan remaja yang semakin berleluasa dewasa ini.
6. PR-1242-L44762  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi Kementerian dalam melaksanakan kerja mengutip hasil cukai Kerajaan seluruh negara dan anggaran ketirisan yang berlaku dan langkah-langkah untuk menyekat ketirisan.
7. PR-1242-L43383  
**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap penjagaan sumber laut dan berapakah jumlah pulau-pulau yang telah diwartakan sebagai kawasan Taman Laut di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.
8. PR-1242-L44364  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah tabung rentikerjasentara dilaksanakan. Jika telah dilaksanakan berapakah jumlahnya dan setakat ini adakah tuntutan telah dibuat.
9. PR-1242-L43651  
**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Malaysia telah melaksanakan secara *collective* bersama-sama negara lain dalam usaha membendung isu pemerdagangan orang.
10. PR-1242-L44316  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
  - (a) adakah Kerajaan akan menyebarkan 7 Wasiat Raja-Raja Melayu yang disampaikan sebelum pembentukan Perlembagaan Persekutuan; dan
  - (b) apakah perancangan Kerajaan untuk mendidik rakyat tentang Perlembagaan Persekutuan dan kedudukan istimewa Islam dan bangsa Melayu yang dimaktubkan di dalam Perlembagaan.

11. PR-1242-L44173  
**Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyediakan bantuan atau pinjaman pelajaran melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Negara (PTPTN) kepada warga tua berumur 50 tahun ke atas untuk mengikuti pengajian peringkat ijazah dan sebagainya sesuai dengan hasrat Kerajaan melahirkan modal insan berilmu dan konsep pembelajaran sepanjang hayat.
12. PR-1242-L43602  
**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa luaskah ladang-ladang milik FELDA, FELCRA dan RISDA yang ada di kawasan Sik sehingga Disember 2010. Berapa luas kawasan tanaman mengikut jenis tanaman kelapa sawit dan getah.
13. PR-1242-L44669  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kewujudan *hypermarket* dan *supermarket* di kawasan-kawasan luar bandar yang tumbuh bak cendawan sejak akhir-akhir ini memberi kesan langsung kepada penurunan pendapatan peniaga-peniaga / usahawan-usahawan kecil tempatan. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam menangani masalah ini dengan memberi peluang kepada pengusaha tempatan menjadi pembekal barang jualan kepada *hypermarket* dan *supermarket* terbabit.
14. PR-1242-L44045  
**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Kerajaan mengizinkan *internationalisation of ringgit* atau mengizinkan ringgit digunakan dalam transaksi perdagangan '*offshore*' dan apakah langkah-langkah konkret Kerajaan bagi mengelakkan kesan buruk atau *downsides risknya*.
15. PR-1242-L44243  
**Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan terbaik yang telah dan akan dilakukan bagi mengatasi masalah penyeludupan yang meningkat dan membimbangkan yang berlaku di pintu masuk negara terutama di lapangan terbang Kuala Lumpur International Airport (KLIA).
16. PR-1242-L43746  
**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan konsep pendidikan percuma yang pernah dimaklumkan sebelum ini tetapi telah menimbulkan kekeliruan terhadap ibu bapa yang masih membayar yuran persekolahan serta nyatakan perbelanjaan untuk memastikan pendidikan percuma berjaya dilaksanakan.

17. PR-1242-L43449  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memandangkan bahawa *Cabotage Policy* sering dibangkitkan sebagai satu sebab mengapa harga barang-barang diimport ke Sabah mahal daripada di Semenanjung, nyatakan kebenaran hakikat ini, dan, jika demikian, apakah langkah Kementerian untuk membantu mengurangkan harga barang-barang di Negeri Sabah dan adakah terfikir keperluan pemberian subsidi untuk mengatasi pengurangan *cost of living* di Negeri Sabah.
18. PR-1242-L44323  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam mengatasi inflasi dan mengurangkan kesannya terhadap peniaga dan rakyat Malaysia akibat penarikan subsidi diesel dan statistik kenaikan harga barang mentah, minyak dan diesel sejak lima tahun lalu.
19. PR-1242-L44477  
**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
  - (a) apakah bidang sukan yang menjadi kecemerlangan oleh Kementerian dan nyatakan jumlah peruntukan yang diberi; dan
  - (b) apakah tindakan Kementerian terhadap sukan perahu layar yang telah mendapat kedudukan cemerlang di peringkat antarabangsa iaitu bagi kategori optimis dan laser.
20. PR-1242-L44969  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pencapaian Program Azam 1Malaysia dalam menangani masalah kemiskinan.
21. PR-1242-L44386  
**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah rumah orang-orang tua yang terdapat di negara ini mengikut negeri dan berapa ramaikah kes ibu bapa yang anak mereka sendiri datang menyerahkan ibu bapa mereka ke rumah Orang-orang Tua itu.
22. PR-1242-L43723  
**Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bilangan telaga minyak di hadapan pantai Kelantan dan Terengganu yang jaraknya tidak melebihi 3 batu nautika daripada pantai masing-masing.

23. PR-1242-L44287  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- adakah pihak Kementerian membuat kajian secara menyeluruh mengenai pemberian bantuan KWAPM kepada para pelajar yang benar-benar layak menerima; dan
  - adakah pihak Kementerian membuat justifikasi untuk menolak serta membatalkan bantuan KWAPM kepada pelajar daripada keluarga ibu tunggal yang telah menerima bantuan bulanan daripada pihak Jabatan Kebajikan Malaysia.
24. PR-1242-L43134  
**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tindakan Kementerian terhadap guru yang disabitkan bersalah mencabul kehormatan pelajar. Nyatakan jumlah kes kesalahan seksual di sekolah bagi sepuluh tahun kebelakangan.
25. PR-1242-L44258  
**Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sehingga kini sudah berapa banyak yang telah dibelanjakan untuk mengeluarkan, memasar dan mempromosikan produk-produk bioteknologi dan agensi-agensi Kerajaan dan swasta yang dibantu. Adakah pelaburan yang dikeluarkan memberikan pulangan yang munasabah kepada produktiviti negara.
26. PR-1242-L44202  
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti KTM Komuter dan Transit Aliran Ringan (LRT) seperti mana yang digariskan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara.
27. PR-1242-L43737  
**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk sasaran intipati-intipati yang akan ditumpukan untuk membolehkan ekonomi rakyat dan negara berdaya saing serta menangani masalah inflasi dalam pembentangan Bajet 2012.
28. PR-1242-L44697  
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah jaminan Kementerian untuk memastikan tiada campur tangan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Institut-Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam proses berkempen dan memilih dalam Pilihan Raya Kampus di IPTA untuk memelihara kebebasan dan hak pelajar-pelajar.
29. PR-1242-L44551  
**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah insiden pencerobohan ruang udara negara oleh pesawat pejuang Singapura sepanjang lima tahun yang lalu hingga kini.

30. PR-1242-L44339  
**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah aliran keluar dana negara ke negara luar sehingga bulan April 2011 dan terangkan sebab-sebab kenapa berlakunya begitu banyak aliran keluar dan apakah usaha Kerajaan untuk menanganinya.
31. PR-1242-L43118  
**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan potensi impak mengliberalisasikan ekonomi ke atas jurang pendapatan antara kaum.
32. PR-1242-L43542  
**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan agensi Kerajaan dan syarikat swasta yang mendapat kebenaran untuk membekalkan benih padi di seluruh Malaysia. Berapakah kadar yang dibenarkan bagi setiap agensi/syarikat berkenaan dalam metrik tan, dari jumlah syarikat tersebut berapakah syarikat milik Bumiputera dan bukan Bumiputera.
33. PR-1242-L43691  
**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) berapa buah sekolah baru yang akan dilaksanakan di Sabah dalam RMK-10 ini; dan
  - (b) bilakah pembinaan SMK. Gum-Gum 2 dan SMK Libaran akan dilaksanakan.
34. PR-1242-L44634  
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah mayat tidak dituntut sejak tahun 2006 mengikut bulan, negeri, jantina, dewasa atau bayi. Apakah langkah diambil untuk mengatasi masalah ini.
35. PR-1242-L45001  
**Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [ Kota Belud ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan satu pertemuan antara pemimpin-pemimpin politik, agama dan kaum bagi menerangkan konsep Kontrak Sosial yang selama ini telah memberi kestabilan politik kepada negara kita.
36. PR-1242-L44482  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah sebab-sebab utama Kerajaan melanjutkan kontrak monopoli pengimportan beras kepada Bernas untuk selama 10 tahun lagi hingga 2021; dan
  - (b) adakah dengan membuka ruang yang luas untuk persaingan pengimportan beras akan merugikan negara dan menyusahkan rakyat.

37. PR-1242-L43629  
**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa ramaikah juruterbang wanita yang berkhidmat dengan Sistem Penerangan Malaysia serta apakah strategi yang direncanakan oleh Kementerian demi menjamin masa depan juruterbang wanita.
38. PR-1242-L43566  
**Dato' Taib Azamuddin bin Md Taib [ Baling ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian ini telah mencapai NKRA sedangkan banyak aduan yang dibuat oleh rakyat yang tidak diambil tindakan oleh bahagian siasatan IPD kerana alasan kekurangan anggota.
39. PR-1242-L43797  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan telah diperketatkan untuk menjamin keselamatan di negara kita selepas kematian Osama bin Laden.
40. PR-1242-L44318  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di manakah tapak loji nuklear akan ditempatkan dan nyatakan juga berapa banyak negara yang menentang penubuhannya. Apa sebab Jabatan Alam Sekitar boleh meluluskannya dan juga loji *rare earth* di Gebeng, Pahang yang dibantah oleh semua rakyat Malaysia.
41. PR-1242-L43684  
**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tentang Gunung Ledang Security Heritage yang penuh dengan Flora dan Fauna serta Lagenda Puteri Gunung Ledang. Apakah pendekatan yang agresif untuk memastikan khazanah negara seperti ini terus terpelihara.
42. PR-1242-L43234  
**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah bagi memastikan warga negara asing khasnya wanita tidak menyalahgunakan permit lawatan ke negara ini.
43. PR-1242-L43158  
**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) bagaimana bentuk makanan tambahan yang dibekalkan melalui program makanan tambahan untuk murid-murid sekolah; dan
  - (b) setakat ini sejauh manakah kejayaan program ini menambah zat ke atas makanan murid dengan biaya tambahan sebanyak RM2.50 sahaja.

44. PR-1242-L44578  
**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan kaedah yang digunakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di dalam menentukan reka bentuk, keperluan jumlah, keluasan dan kesesuaian tapak bagi pembangunan pusat-pusat penjaja di dalam usaha membantu penjaja dan peniaga kecil yang kini bermiaga di kaki lima jalan-jalan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur.
45. PR-1242-L43432  
**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status terkini Tabung Bantuan Bencana Tsunami Jepun yang dilancarkan oleh badan-badan kebajikan, media dan pihak bank dan apakah ianya telah diserahkan kepada pihak yang berhak menerima bantuan di Jepun.
46. PR-1242-L44865  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kontroversi isu pertukaran Dato' Seri Prof Ir Dr Judin Abd Karim, Ketua Pengarah Kerjaraya yang bertaraf Turus 3 ke CEO CIDB.
47. PR-1242-L44938  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara asing yang telah dijatuhan hukuman mati di antara tahun 2000 - 2010 dan daripada 583 banduan yang sedang menunggu hukuman mati, berapa ramai merupakan warganegara asing.
48. PR-1242-L44778  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perlaksanaan perjanjian-perjanjian usahasama 1MDB - *Mubadala Development Company*, 1MDB - *Petro Saudi International*, 1MDB - *Qatar Investment Authority* dan 1MDB - *State Grid Corp of China*.
49. PR-1242-L44499  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) skop projek Karambunai Resorts yang diumumkan sebagai satu-satu *Entry Point Project* yang bernilai RM9.6 bilion; dan
  - (b) sama ada permohonan lesen kasino telah diminta oleh pemaju dan ianya akan atau telah dipertimbangkan oleh Kerajaan.
50. PR-1242-L43536  
**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa bilangan pelancong luar negara yang datang ke Malaysia sejak 5 tahun yang lalu dan berapa pula bilangan pelancong yang datang untuk rawatan hospital (*health tourist*) serta berapa pula pendapatan yang disumbangkan kepada negara.

51. PR-1242-L44742  
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah surat hak milik tanah yang telah dikurniakan kepada peneroka-peneroka yang telah menjelaskan semua bayaran CAC (*Consolidated Annual Charge*) dan tanggungan hutang mereka kepada FELDA, mengikut perjanjian dalam *Group Settlement Area Act 1960* (GSA).
52. PR-1242-L43518  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik senarai penerima pinjaman dan biasiswa JPA bagi pengajian-pengajian dalam negara dan juga luar negara mengikut kursus, jantina, etnik kaum, agama dan golongan kurang upaya serta kriteria yang digunakan untuk memilih pelajar-pelajar bagi pinjaman dan biasiswa ini.
53. PR-1242-L44478  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- berapakah jumlah kes jenayah yang telah dibuang (*acquitted*) oleh Mahkamah dari tahun 2004 hingga 2010 atas sebab kehilangan bahan bukti semasa dalam jagaan polis; dan
  - apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh polis untuk memastikan kes kehilangan bahan bukti tidak akan berulang lagi.
54. PR-1242-L44604  
**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah kes salah laku dan penderaan rumah tangga yang telah diselesaikan di bawah program perundangan dan advokasi Kementerian setakat ini mengikut pecahan jenis kes dan negeri.
55. PR-1242-L43946  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan yang terkini untuk *gated communities and guarded neighbourhood*, bilangan pengawalnya yang telah dan belum dilatih serta bilangan syarikatnya. Apakah sumbangan mereka kepada kesejahteraan dan keselamatan negara.
56. PR-1242-L44945  
**Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota Polis yang telah terlibat dalam jenayah dari tahun 2005 hingga Mei 2011.

57. PR-1242-L44451

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang penguatkuasaan saman ekor :-

- (a) sehingga 30 April tahun ini, jumlah tunggakan yang masih belum dijelaskan, adakah benar tindakan menyenaraihitamkan telah dibatalkan; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang menghadapkan OKS yang belum jelas samannya ke mahkamah.

58. PR-1242-L43975

**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan melanjutkan masa yang ditetapkan bagi penghitungan undi/ *cut-off time* dalam pilihan raya akan datang memandangkan berlakunya perkara yang boleh menjelaskan keputusan pilihan raya.

59. PR-1242-L43319

**Tuan William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kenapa program TV1 yang baru beroperasi pada 9 Mei 2011 yang memuatkan program Bahasa Iban hanya diberi sepuluh (10) minit sahaja seolah-olah hanya melepaskan batuk di tangga seperti umpama Bahasa Iban "Semadi Nadai".

60. PR-1242-L44520

**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah memandangkan kegunaan istilah 1Malaysia oleh Kerajaan, Kerajaan bercadang untuk membatalkan Pekeliling 20/2000 bertarikh 16.12.2000 yang menyekat pertubuhan persatuan agama bukan Islam di sekolah-sekolah. Nyatakan jumlah pertubuhan tersebut yang diluluskan dalam tempoh 2001 hingga 2010.

61. PR-1242-L43252

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-

- (a) sama ada perbincangan pihak Kerajaan Malaysia dan Filipina, mengenai dengan pewujudan Konsulat Filipina di Kota Kinabalu Sabah telah membawa hasil ; dan
- (b) apakah reaksi Manila dan kesan hubungan dua negara, Malaysia-Filipina ke atas tindakan Dato Akhjan menabalkan dirinya sebagai Sultan Sulu berpengkalan di Sabah.

62. PR-1242-L44628

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa tiada tindakan diambil terhadap pihak yang mengisyiharkan peperangan jihad terhadap masyarakat Kristian di Malaysia secara umum dan bukankah ini dengan jelas menyebabkan ketegangan perkauman dan menjadi kesalahan hasutan.

63. PR-1242-L44249  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penglibatan syarikat dan individu tempatan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar.
64. PR-1242-L43479  
**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan barang-barang yang akan terlibat dalam usaha Kerajaan merasionalisasikan subsidi sepanjang tahun 2011.
65. PR-1242-L43923  
**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kerugian yang ditanggung oleh Sime Darby sejak 2010 hingga kini. Perincikan dari manakah punca dan jumlah kerugian tersebut.
66. PR-1242-L43327  
**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik pekerjaan, pengangguran, dan pendapatan purata graduan yang baru tamat pengajian daripada universiti-universiti mengikut kursus sejak tahun 2000 dan apa tindakan telah diambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan keadaan.
67. PR-1242-L44057  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah untuk memperbaiki pencapaian pertumbuhan ekonomi (4.6%) yang sepatutnya lebih 6% untuk menjayakan matlamat negara berpendapatan tinggi.
68. PR-1242-L44843  
**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status pembinaan Institut Automotif Malaysia yang dicadang dibina berhampiran Proton City, Tanjung Malim. Apakah fungsi yang akan dimainkan oleh institut ini dalam membantu pembangunan industri automotif negara.
69. PR-1242-L43282  
**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah Kerajaan bagi membela warga tua Melayu yang dikatakan paling banyak hidup meremah kerana disebabkan gagal mengurus kewangan dan perbelanjaan dengan baik selepas bersara.
70. PR-1242-L44163  
**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan dalam menaik taraf bidang kemahiran dari peringkat sijil dan ke atas dalam memberi peluang lebih besar kepada golongan yang kurang berjaya dalam bidang akademik dan setakat manakah keseriusan pihak IPTS dalam menawarkan bidang kemahiran kepada para pelajar yang berminat.

71. PR-1242-L43548  
**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penggunaan air daun ketum (nama saintifiknya ialah *Mitragyna speciosa korth*) yang menjadi minat generasi hari ini. Adakah Kementerian memantau dan mengenal pasti tahap ketagihan air daun ini serta adakah Kementerian bercadang untuk mengawal tanaman ini secara rasmi.
72. PR-1242-L43720  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan memberi sebab dan alasan kenapa perjanjian kereta api Bukit Bendera di antara Kementerian Pelancongan dan pihak kontraktor tidak disampaikan kepada "end user" Kerajaan Pulau Pinang.
73. PR-1242-L44817  
**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa jumlah dana yang telah disalurkan oleh TEKUN kepada usahawan kecil di kawasan Parlimen Sibuti dan mengapa kehadiran TEKUN di kawasan luar bandar seperti Sibuti agak kurang dirasai oleh usahawan kecil di sana.
74. PR-1242-L44708  
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah konvensyen-konvensyen antarabangsa atau protokol yang lain Malaysia telah 'ratify' yang melibatkan haiwan dan binatang liar dibawa masuk ke negara kita atau di bawa keluar.
75. PR-1242-L43468  
**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fungsi dan peranan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri dan apakah beliau berperanan memberi nasihat kepada Perdana Menteri dalam isu penyebaran video seks yang memalukan negara baru-baru ini.
76. PR-1242-L43818  
**Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap penggunaan khidmat perunding dalam negara di dalam kajian dan pengubalan dasar ekonomi negara ke arah mencapai matlamat sebuah ekonomi negara maju berpendapatan tinggi.
77. PR-1242-L43210  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- apakah pelan tindakan yang diambil Kerajaan terhadap peruntukan RM30 juta untuk tanah-tanah hak adat natif (NCR) di Sabah pada tahun ini; dan
  - bagaimanakah Kerajaan bercadang menyelesaikan isu-isu tanah hak adat natif (NCR) di Sabah yang diambil balik oleh Kerajaan Sabah dalam 3 tahun yang lalu, yang telah dikemukakan kepada Perdana Menteri dan sedang dikaji oleh SUHAKAM.

78. PR-1242-L43799  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sebab-sebab untuk memperluaskan monopoli Padi beras Nasional Berhad untuk mengimport beras selama 10 tahun dan langkah-langkah untuk menjamin bekalan dan harga beras yang tidak bertambah secara berlebihan.
79. PR-1242-L44990  
**Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [ Mukah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang bila masanya untuk menjadikan lapangan terbang antarabangsa Kuching Sarawak sebagai satu lagi hub penerbangan wilayah. Kalau belum ada, apakah keperluan untuk menu buhkannya.
80. PR-1242-L44245  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional penggabungan Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad.
81. PR-1242-L43929  
**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah potongan kepada peneroka FELDA yang dikumpul oleh agensi itu untuk kos tanam semula bagi setiap pusingan tanam semula sebelum pokok tua ditebang.
82. PR-1242-L43190  
**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan intisari "Persetujuan Dua Hala Pengiktirafan Ijazah Antara Malaysia dan *People's Republic of China*" yang disempurnakan semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Wen Jiabao ke Malaysia pada April tahun ini dan apakah implikasi pengiktirafan ijazah dua hala ini.
83. PR-1242-L43244  
**Datuk Siringan bin Gubat [ Ranau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan pekebun-pekebun kecil getah serta keluasan penanaman semula melalui RISDA yang akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Ranau. Bolehkah Menteri yang berkenaan juga menyatakan jika ada penanaman baru getah yang akan dimulakan pada tahun ini dan tahun depan 2012.
84. PR-1242-L44692  
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa ramaikah penuntut yang telah tercedera, kemalangan dan meninggal dunia di kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak diperkenalkan pada tahun 2004.
85. PR-1242-L43601  
**Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [ Kulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelajar yang ditawarkan biasiswa JPA untuk program ijazah luar negara mengikut kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera bagi setiap tahun antara 1998 hingga 2008.

86. PR-1242-L43968  
**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kedudukan BERNAMA TV yang dilihat semakin lesu dan tidak berperanan sebagai suara Kerajaan yang lebih efektif.
87. PR-1242-L44223  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah Mykad yang telah dikeluarkan semenjak Januari 2010 sehingga Mei 2011 kepada penduduk tetap, pelarian dan warga asing yang tinggal dalam Malaysia.
88. PR-1242-L43316  
**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes penderaan seksual yang telah dilaporkan sejak tahun 2000 menurut kumpulan umur dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kejadian ini.
89. PR-1242-L44008  
**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempromosikan konsep pelancongan pergigian memandangkan kos rawatan untuk mengimplan gigi adalah lebih rendah berbanding negara lain.
90. PR-1242-L43555  
**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat usaha oleh Kementerian bagi memberi galakan agar pengeluar khususnya produk makanan di Malaysia mendapat pengiktirafan sijil halal terutama produk yang banyak dikonsum oleh pengguna beragama Islam.
91. PR-1242-L44060  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pendedahan WikiLeaks mengenai banyak isu-isu besar pemimpin negara ini serta beberapa isu antarabangsa yang menjadi perhatian masyarakat dunia.
92. PR-1242-L44071  
**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status pelepasan gas rumah hijau (GHG) negara dan status penglibatan pihak swasta dalam usaha menurunkan GHG negara.
93. PR-1242-L44907  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan bilangan warganegara asing mengikut kewarganegaraan yang berada di bilik akhir dan kesalahan-kesalahan yang telah disabitkan setakat 30.4.2011.

94. PR-1242-L43343  
**Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang berkesan untuk mewujudkan perpaduan Melayu sebagaimana yang diwar-warkan oleh Perdana Menteri dan apakah mekanisma yang dicadangkan serta apakah cadangan ini tidak bertentangan dengan konsep 1Malaysia dan masyarakat majmuk di negara ini.
95. PR-1242-L44939  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil cadangan pembinaan klinik kesihatan Kerajaan di Subang Jaya yang dirancang pada 2009.
96. PR-1242-L43365  
**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ketinggalan sukan pelajaran di antara sekolah-sekolah di bandar dan luar bandar.
97. PR-1242-L43855  
**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa artikel Dewan Masyarakat berbaur perkauman yang berjudul 'Penghakisan Tanah Pusaka : Meruntuhkan Kuasa Politik Melayu' dijadikan bacaan wajib pelajar STPM.
98. PR-1242-L43516  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan-rancangan untuk menaik taraf sistem feri Pulau Pinang sekarang yang tidak efisien dan sepatutnya menjadi alternatif untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas ataupun adakah pengurusan sistem feri akan diserahkan kepada Kerajaan Pulau Pinang bagi memastikan pengurusan yang lebih lancar dan sistematik.
99. PR-1242-L43586  
**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah sebenar pekerja asing yang diambil bekerja oleh Agensi Pusat seperti FELDA, FELCRA dan RISDA di seluruh negeri Kedah. Apakah langkah yang diambil oleh KDN untuk memastikan bahawa keseluruhan mereka adalah pekerja asing yang sah dan memenuhi syarat-syarat yang diperlukan.
100. PR-1242-L43793  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab sehingga kini Peguam Negara masih gagal mendakwa 'Datuk T' atas kesalahan mengedar dan menayang video lucah mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan.

101. PR-1242-L44871  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebab Orang Asli langsung tidak disebut dalam buku teks sejarah tingkatan 4 dan kenapakah 5 daripada 10 bab dalam buku teks Sejarah tingkatan 4 adalah berkenaan dengan agama Islam sedangkan agama lain iaitu Hindu, Buddha, Confucius, Taoisma dan Kristian hanya diberi 832 perkataan dalam buku Sejarah sahaja.
102. PR-1242-L44188  
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan Persekutuan berkaitan guru-guru di sekolah-sekolah agama milik Kerajaan-kerajaan negeri dan adakah Kementerian Pelajaran menyediakan guru-guru tetap dan terlatih di sekolah-sekolah berkenaan.
103. PR-1242-L43603  
**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah status pembinaan sekolah di kawasan U10 Puncak Perdana Shah Alam.
104. PR-1242-L44910  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan butir-butir berhubung dengan syarikat yang telah dianugerahkan tender bagi *HPV vaccination* yang dijalankan pada tahun 2011 dan butir-butir kewangan berkenaan dengan anugerah tersebut.
105. PR-1242-L44818  
**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah jumlah dana yang telah digunakan untuk *Pre Comercialisation Fund* sejak tahun 2008 hingga sekarang dan apakah pulangan yang telah diperolehi oleh pihak Kementerian. Berapakah jumlah pemohon yang gagal menggunakan peruntukan dana yang diberi untuk menyiapkan idea mereka.
106. PR-1242-L43239  
**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan kadar pertumbuhan ekonomi negara dapat dikekalkan di paras pencapaian sekarang ini.
107. PR-1242-L44972  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah bilangan doktor yang berkhidmat dengan Angkatan Tentera dan nyatakan bilangan mereka yang telah meninggalkan perkhidmatan sejak 2005.
108. PR-1242-L44658  
**Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [ Klang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kawasan Parlimen yang telah disenaraikan untuk pembinaan loji nuklear. Adakah Kerajaan bercadang untuk berbincang dengan rakyat di kawasan ini sebelum membuat keputusan.

109. PR-1242-L43807  
**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sebab-sebab masalah kekurangan perkhidmatan talian tetap masih berlaku di taman-taman perumahan dan kawasan luar bandar pada zaman era millenium ini.
110. PR-1242-L43572  
**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha Kerajaan di dalam membangunkan pertanian di Labuan dan menggalakkan penglibatan rakyat di dalam industri asas tani juga langkah-langkah yang dijalankan bagi membantu petani-petani kecil di Labuan.
111. PR-1242-L43962  
**Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah jumlah keluasan ladang pengusaha sederhana dan kecil bagi tanaman kelapa sawit dan getah di Sarawak dan apakah adanya rancangan Kerajaan untuk meningkatkan jumlah pengusaha ladang sederhana dan kecil.
112. PR-1242-L44717  
**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kementerian akan membiarkan pengguna air Selangor dan Lembah Kelang menunggu sahaja dengan penuh kebimbangan krisis bekalan air yang bakal berlaku pada 2014 tanpa sebarang usaha penyelamat, memandangkan setakat ini tiada tanda-tanda kerjasama akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
113. PR-1242-L43405  
**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) sejauh manakah penerimaan masyarakat berbilang kaum di negara ini terhadap keluhuran Perlembagaan Persekutuan; dan
  - (b) pencapaian KPI Kementerian-kementerian di negara kita dan halangan yang dikenal pasti membantutkan kejayaan pelaksanaan KPI secara total.
114. PR-1242-L43857  
**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara jelas apakah Kerajaan telah bersedia untuk melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan apakah Kerajaan telah menjalankan kajian yang terperinci tentang baik-buruknya perlaksanaan GST ke atas kehidupan rakyat, terutamanya rakyat yang miskin.

115. PR-1242-L44179  
**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyediakan parkir bertingkat di bandar utama memandangkan ruang sedia ada tidak mencukupi di bahu jalan yang menyebabkan pengguna disaman oleh pihak berkuasa terutama di Putrajaya memandangkan kawasan parkir awam sangat tidak mencukupi.
116. PR-1242-L44772  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berikutnya kegagalan DRB-Hicom menyiapkan Pakej Infrastruktur Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang-Ipoh yang mengakibatkan kerugian Kerajaan berjumlah RM1.14 bilion dan peningkatan kos asal projek dari RM4.34 bilion kepada RM5.77 bilion, apakah langkah-langkah susulan yang diambil untuk memastikan kelemahan-kelemahan yang wujud dalam projek tersebut tidak berulang dalam pelaksanaan projek Landasan Berkembar Elektrik antara Ipoh-Padang Besar.
117. PR-1242-L44500  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran perjanjian yang akan ditandatangani oleh Kerajaan dengan syarikat Tricubes Bhd untuk memajukan projek emel 1Malaysia, dan sama ada Tricubes akan diberikan hak untuk mengesahkan maklumat individu dengan Jabatan Pendaftaran Negara.
118. PR-1242-L44986  
**Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [ Mas Gading ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengemaskini pengurusan dan *facility* di Jabatan KEMAS supaya tenaga kerja jabatan dapat dilengkapkan dengan kemudahan yang sesuai supaya dapat membantu masyarakat sasaran mereka dengan sempurna.
119. PR-1242-L43430  
**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana tahap keselamatan dan keamanan dalam negara dan apakah tindakan kepada pelampau yang menggunakan pentas politik dalam menggugat keselamatan negara.
120. PR-1242-L44106  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah perbincangan menentukan garis panduan makanan sihat yang boleh dijual di kantin sekolah.
121. PR-1242-L44579  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) di atas keputusan untuk melaksanakan syarat wajib pemakaian skirt kepada pemain badminton wanita.

122. PR-1242-L43708  
**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik kadar pengangguran di negara dan menjelaskan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan kadar pengangguran dan keberkesanan program-program yang dilaksanakan.
123. PR-1242-L44295  
**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pengundi baru di setiap kawasan Parlimen dan bilangan undi pos yang baru sejak 8 Mac 2008.
124. PR-1242-L44426  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan mengenal pasti perkara yang menjadi halangan utama kepada pembangunan industri sukan negara.
125. PR-1242-L43561  
**Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah kes video lucah yang ditunjukkan oleh Trio Datuk 'T' tidak didakwa di bawah Kanun Jenayah Syariah, dalam Mahkamah Syariah.
126. PR-1242-L44897  
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam usaha menggubal undang-undang baru mengenai syarat dan sempadan pencaruman dana pihak swasta ke dalam tabung Pilihan raya di kalangan parti politik terutamanya parti pemerintah di tahap Persekutuan, agar tidak berlaku kejadian rasuah dan salah guna kuasa.
127. PR-1242-L44522  
**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa (berdasarkan jawapan bertarikh 1.11.2010 rujukan 3051) hanya 59 inkues didaftarkan untuk 141 kes kematian dalam tahanan polis daripada 2000 - 2009 manakala undang-undang mewajibkan inkues dijalankan yang patut dibuat secepat mungkin dan bukan tertangguh bertahun-tahun demi keadilan untuk semua pihak yang terlibat.
128. PR-1242-L44411  
**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan secara terperinci setiap lawatan rasmi luar negara oleh Menteri dari bulan Januari hingga Mei 2011 seperti kos perbelanjaan, destinasi lawatan, tujuan lawatan dan jumlah delegasi dalam setiap lawatan tersebut.
129. PR-1242-L43571  
**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah projek pembesaran laluan kereta api ke Pantai Timur Semenanjung akan bermula.

130. PR-1242-L43722  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sebab dan alasan kenapa Kerajaan setuju menghantar pasukan pengaman ke Bahrain, yang bersifat anti demokratik. Serta apakah pendirian dan dasar Kerajaan Malaysia terhadap kebangkitan rakyat di Timur Tengah, terutama Mesir.
131. PR-1242-L43666  
**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa bantuan Kerajaan kepada tadika-tadika di Sekolah Tamil hanya dihadkan kepada 25 orang murid sahaja dan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada murid-murid tersebut. Adakah Kerajaan berhasrat menambahkan kapasiti penerima bantuan dalam masa terdekat.
132. PR-1242-L43832  
**Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah sebab yang menjadi punca kenaikan harga gula dan bagaimana Kerajaan akan menangani masalah kenaikan harga barang keperluan lain termasuk makanan dan minuman ekoran daripada kenaikan harga gula terbabit.
133. PR-1242-L44723  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah kedudukan terkini tentang cadangan untuk mengaktifkan kembali operasi agensi pembangunan wilayah di Pahang yang telah dibubarkan kerana ianya masih diperlukan dalam membangunkan kawasan-kawasan yang terlibat.
134. PR-1242-L45069  
**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapa buah kereta *sport* Porsche Panamera yang telah dibeli oleh MAS (semasa kerosakan keretapi transit) untuk mengangkut penumpang kelas pertama ke terminal dan apakah kos bagi setiap kereta dan adakah pembelian itu selaras dengan Dasar Transformasi Ekonomi Kerajaan; dan
- (b) di manakah kereta *sport* Porsche Panamera sekarang dan sekiranya ia telah dijual tolong nyatakan sama ada penjualan melalui tender terbuka dan berikan nama setiap pembeli dan harga jualan masing-masing.
135. PR-1242-L44524  
**Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian demi memastikan keselamatan dan kesihatan penduduk Taman Suria, Bestari Jaya, Selangor yang menghadapi pencemaran udara serta air akibat kumuhan industri yang hanya bersempadan 22 meter dari perumahan mereka.

136. PR-1242-L44429  
**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah wujud monopoli dalam sistem kuota sayur kubis bulat dan biji kopi mentah. Sekiranya ya, senaraikan agensi yang menguruskan sistem kuota tersebut. Kalau tidak, mengapa tidak dibenarkan diimport oleh pihak lain.
137. PR-1242-L43297  
**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pemilikan lot perniagaan Bumiputera dan kaum lain di bawah pengurusan premis milik UDA Holdings Berhad sejak 10 tahun lalu.
138. PR-1242-L44094  
**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-  
(a) status projek lebuh raya Pan Borneo; dan  
(b) adakah Kementerian bercadang melebarkan jalan satu lorong kepada dua lorong dari Sipitang-Beaufort-Papar.
139. PR-1242-L43935  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-  
(a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan kelas bimbingan kaunseling perkahwinan kepada semua warga bukan Bumiputera; dan  
(b) jumlah bilangan penceraian pada tahun 2010 hingga 2011 (Jun) dan punca utama penceraian.
140. PR-1242-L43401  
**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah cadangan Kementerian untuk mengadakan pelan infrastruktur supaya setiap kawasan perumahan khususnya rumah-rumah pangsa supaya menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi supaya tidak didapati menjadi sesak sehingga mengganggu lalu lintas.
141. PR-1242-L44471  
**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tahap keberkesanan JMB sejak penubuhannya diwajibkan, khasnya dari segi penyelenggaraan dan pengurusan harta tanah yang berkenaan. Apakah rintangan utama yang sering dihadapi oleh JMB.

142. PR-1242-L43892  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan ada cadangan untuk menubuhkan jabatan khas dibawah tiap-tiap Majlis Perbandaran untuk menyelaras pengurusan rumah-rumah pangsa di kawasan Majlis Perbandaran itu.
143. PR-1242-L43445  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di Negeri Sabah terdapat banyak kekurangan rumah-rumah guru, banyak yang dalam keadaan uzur dan tidak selamat didiami, dan begitu juga dengan masalah kekurangan bangunan-bangunan sekolah serta kelas bertindih, dan sekiranya sedar apakah tindakan dan berapakah peruntukan yang sedia dibekalkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk melaksanakan pembaikan dan pembinaan berkenaan.
144. PR-1242-L44038  
**Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah dan pangsapuri berkos rendah dan sederhana rendah yang telah dibina di negeri Selangor, Pulau Pinang dan Kedah sejak pakatan rakyat mengambil alih Kerajaan negeri sejak 2008.
145. PR-1242-L44569  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah usaha yang dibuat untuk menangani isu sosial yang melibatkan pelajar di seluruh negara dan apakah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang untuk masa depan negara.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Kewangan**

- \* Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2011.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESUARAT DAN USUL-USUL**

- |  |  |                               |
|--|--|-------------------------------|
| 1.   | (D.R. 11/2011) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011  | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| [ <b>Kementerian Kewangan</b> ]  |  |                               |
| 2.   | (D.R. 3/2011) Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011–Menyambung semula Perbaohan atas masalah, “ <b>Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang</b> ” (16 Jun, 2011) |                               |
| [ <b>Kementerian Belia dan Sukan</b> ]                                     |  |                               |
| 3.   | (D.R. 5/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011   | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| [ <b>Perdana Menteri</b> ]   |  |                               |
| 4.   | (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010   | “                             |
| [ <b>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan</b> ] |  |                               |
| 5.   | (D.R. 45/2010) Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010  | “                             |
| [ <b>Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar</b> ]        |  |                               |
| 6.   | (D.R. 8/2011) Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011   | “                             |
| [ <b>Kementerian Luar Negeri</b> ]   |  |                               |
| 7.   | (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010   | “                             |
| [ <b>Kementerian Kewangan</b> ]  |  |                               |
| 8.   | (D.R. 10/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011   | “                             |
| [ <b>Kementerian Kerja Raya</b> ]  |  |                               |

9. (D.R. 9/2011) Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 “

**[ Kementerian Kesihatan ]**

10. (D.R. 12/2011) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 “

**[ Kementerian Kesihatan ]**

11. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 “

**[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**

12. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “

**[ Kementerian Pertahanan ]**

13. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 “

**[ Kementerian Kewangan ]**

14. PR-1242-U43283

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ketika keadaan negara berada dalam keadaan aman dan tenteram, tugas Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Udara dan Laut) tidaklah begitu berat. Dan mengambil maklum bahawa terdapat mereka yang berkhidmat dalam angkatan tentera begitu berkelayakkan tinggi, misalnya doktor perubatan, doktor gigi, jurutera mekanikal dan elektrikal, jurutera awam, pentadbiran awam dan sebagainya. Dan mengambil maklum bahawa, kepakaran anggota yang disebutkan di atas sesungguhnya dapat membantu dalam pentadbiran negara dan dimanfaatkan untuk ketenteraman dan kemajuan negara. Dan mengambil maklum juga bahawa terdapat cadangan bahawa pihak tentera membantu pihak polis dalam rondaan di tempat strategik bagi memastikan keamanan negara. Selain itu, pihak tentera juga boleh membantu anggota trafik untuk mengawal lalu lintas disamping membuat kerja-kerja kemasyarakatan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, agar satu rangka kerja dapat diwujudkan agar pihak tentera dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara melalui program-program yang dimaksudkan di atas."

**(Menteri Pertahanan)**

15. PR-1242-U43291

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat pegawai terutama sekali pegawai bawahan angkatan tentera, polis dan pasukan beruniform yang lain, setelah bersara wajib, mereka hidup di paras kemiskinan. Dan mengambil maklum bahawa keadaan ini berlaku kerana, latihan dan amalan tugas mereka semasa bertugas tidak dapat menawarkan mereka sebarang peluang kerja baru ataupun minat mereka selepas bersara telahpun berubah. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, sesetengah mereka tidak mempunyai sebarang rumah untuk berteduh. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, mereka tidak lagi dapat menampung persekolahan anak-anak dan diburukkan lagi dengan tidak mendapat sebarang bantuan biasiswa, oleh itu tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dan mengambil maklum bahawa, satu program khas hendaklah dirangka bagi mereka ini, untuk melatih mereka dalam bidang yang ingin mereka ceburi selepas bersara, termasuklah untuk menyediakan tanah bagi mereka usahakan, sementara anak-anak mereka hendaklah diberikan biasiswa melalui koperasi yang berkaitan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, pihak Kerajaan menyediakan program khas bagi mereka ini untuk mempersiapkan mereka sebelum persaraan mereka."

**(Menteri Dalam Negeri)**

16. PR-1242-U43292

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan memaktubkan bahawa kaum Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak diberikan kedudukan khas dan istimewa dalam Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa dengan kedudukan khas dan istimewa ini, mereka yang dimaksudkan di atas diberikan keutamaan bagi pemberian biasiswa, pekerjaan dan lain-lain lagi. Dan mengambil maklum bahawa, walaupun orang asli yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Malay, telah menduduki negara ini sejak zaman nenek moyang mereka lagi, mereka telah tidak di iktiraf oleh Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa oleh kerana kedudukan mereka tidak termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia, mereka tidak mendapat sebarang keistimewaan sebagaimana yang diperuntukan kepada golongan yang dimaksudkan dalam Perkara 153 tersebut. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, oleh kerana orang asli juga adalah penduduk asal negara ini, maka Kerajaan hendaklah meminda Perkara 153 Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan orang asli sebagai orang-orang yang dilindungi oleh perkara sama, sama kedudukan dengan Orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak."

**(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)**

17. PR-1242-U43302

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah rezab Kerajaan, tanah rezab sungai, tanah pesisir pantai, tanah-tanah rezab lainnya dan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan. Keadaan ini tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada ekonomi negara mahupun pemilik individu yang dimaksudkan. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya tanah-tanah yang dimaksudkan, sekiranya diusahakan akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada ekonomi negara terutama sekali dalam industri makanan. Dan mengambil maklum bahawa, rezab-rezab sungai juga boleh dibangunkan untuk aktiviti akuakultur dimana akan menyumbang juga kepada ekonomi negara. Dan mengambil maklum bahawa dengan adanya aktiviti ekonomi yang dimaksudkan, kawasan yang dimaksudkan juga akan dapat diperindahkan. Dan mengambil maklum bahawa, kesemua aktiviti yang dimaksudkan diatas, terutama sekali yang melibatkan tanah rezab Kerajaan dan tanah rezab sungai dapat dibangunkan dengan memberikan lesen pendudukan sementara daripada para pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tempat tersebut mengikut kesesuaian setempat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, Kerajaan hendaklah, melalui Kerajaan negeri masing-masing meningkatkan lagi kepenggunaan tanah yang dimaksudkan di atas bagi memantapkan lagi ekonomi negara."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

18. PR-1242-U43959

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Menteri Kesihatan memberitahu Dewan ini mengenai isi kandungan transformasi kesihatan termasuk 1 Care dan 1 Clinic. Bahawa Dewan ini memperbahaskan bagaimana 1Care ini boleh mewujudkan penjagaan kesihatan yang mampu dibayar oleh rakyat."

**(Menteri Kesihatan)**

19. PR-1242-U43960

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan pendidikan negara. Dewan ini juga hendak mendebatkan skop perjawatan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai dari hampir 400,000 guru mendapat kenaikan pangkat."

**(Menteri Pelajaran)**

20. PR-1242-U44889

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama"."

**(Perdana Menteri)**

21. PR-1242-U44890

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pemberian Perjalan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). "

**(Menteri Dalam Negeri)**

22. PR-1242-U43366

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan membuat ketetapan mengenai pengeluaran serta pemberian kontrak-kontrak kepada kontraktor bagi pembinaan-pembinaan infrastruktur dan bangunan bukan sahaja dengan kelas khas contohnya Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kelas A tetapi haruslah memastikan agar kontraktor-kontraktor mematuhi segala syarat dan keperluan kejuruteraan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pemantauan rapi haruslah dilaksanakan dengan telus dan tegas supaya betul-betul dapat mengelakkan daripada kecuaian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Ini tentu sekali dapat memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku seperti bangunan runtuh dan kecacatan infrastruktur sebelum dan selepas tempoh jaminan."

**(Menteri Kewangan)**

23. PR-1242-U43375

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang serta memutuskan agar rakyat Malaysia terutamanya di media massa untuk menghentikan perbalahan mencaci dan meragui kepercayaan agama dan kebebasan beragama masing-masing seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia serta menghormati Rukun Negara. Media-media massa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati ini dan mengeluarkan berita tanpa siasatan dan mengakibatkan keraguan serta berkemungkinan boleh mencetuskan kebimbangan serta percacihan di antara rakyat yang menghormati kaum yang berbilang di negara ini."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

24. PR-1242-U43381

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang untuk menyiasat dengan seriusnya mengenai keadaan pertumbuhan penduduk di Sabah yang mendadak sekali sehingga melebihi kadar peratus pertumbuhan yang biasa mengikut perbandingan bancian penduduk sejak tahun 1970 hingga bancian terkini 2010. Pengawalan serta penyiasatan pertumbuhan penduduk ini tentunya mempunyai dasar dan pengurusan agar rakyat Malaysia di Sabah dapat menjalankan taraf kehidupan yang baik, jauh dari kemiskinan, malapetaka serta keraguan di antara mereka."

**(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)**

25. PR-1242-U44783

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

26. PR-1242-U44788

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di Negara Taiwan. Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi itu sendiri dan tidak wajar peruntukan itu disalurkan kepada parti-parti komponen BN untuk kegunaan mereka."

**(Menteri Kewangan)**

27. PR-1242-U44154

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai yang mempertikaikan Malaysia berkaitan tahap kebebasan media yang diamalkan sejak kebelakangan ini. Ada juga pihak yang menyatakan bahawa kebebasan media Malaysia sudah tidak bernyawa lagi akibat kekebalan undang-undang.

Sebagai sebuah negara mengamalkan sistem Demokrasi berparlimen ianya cukup penting untuk memberikan peranan yang tinggi kepada kebebasan media kerana ianya bersangkut paut dengan demokrasi negara. Apakah daya yang mampu diperkenalkan oleh industri media dalam menyalurkan berita tepat dan benar kepada seluruh rakyat jikalau pelbagai Akta berkaitan media yang sanggup menggari kebebasan media dinegora ini. Maka dengan itu segala AKTA dan UNDANG-UNDANG yang mengongkong kebebasan media harus dimansuhkan dengan kadar segera dalam melahirkan usaha baru bagi mencerminkan kemuliaan kebebasan media di Malaysia".

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

28. PR-1242-U44981

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan memohon Kementerian Pelajaran ini mengkaji semula syllabus yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan, berpengetahuan dan berketerampilan dengan menitikberatkan elemen kokurikulum dalam penilaian pencapaian."

**(Menteri Pelajaran)**

29. PR-1242-U44983

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kerajaan menyediakan garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti-mufti di peringkat negeri."

**(Perdana Menteri)**

30. PR-1242-U44985

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirehat dan siang bekerja. "

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

31. PR-1242-U45062

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mengkaji untuk memperbanyakkan lagi AP untuk bahan gula dan beras agar harga dapat diturunkan. Dengan adanya oligopoly akan dapat menurunkan harga dan manfaatnya akan dinikmati oleh masyarakat."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

32. PR-1242-U45063

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengadakan satu mekanisma untuk menghalang warga bukan negara menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

33. PR-1242-U45064

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Pengangkutan pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

**(Menteri Kerja Raya)**

34. PR-1242-U43833

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri supaya tampil ke Mahkamah Perancis untuk membersihkan nama Negara Malaysia dan menjelaskan urus niaga yang berkaitan dengan Syarikat Armanis dan transaksi kewangan yang bernilai RM 30 juta dan RM 2.5 juta kepada syarikat Gifen yang berpangkalan di Malta. Dokumen-dokumen telah diperolehi oleh Pihak Berkusa Perancis setelah menyerbu Syarikat DNCS dibawah Akta Kebebasan Maklumat. Menurut peruntukan Konvensyen Korupsi Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2002 yang memberar untuk memanggil individu yang terlibat termasuk pemimpin tertinggi sesebuah negara. Jika gagal dijalankan, Waren Geledah Antarabangsa akan digunakan untuk memaksa individu itu membari keterangan."

**(Perdana Menteri)**

35. PR-1242-U43387

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan agar Kerajaan mengkaji semula kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini dimana Guru Besar Sekolah Rendah yang mempunyai pelajar yang sedikit dikekalkan gaji mereka pada DGA 32 manakala Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Cluster dinaikkan gaji mereka dari DGA 32 kepada DGA 34."

**(Perdana Menteri)**

36. PR-1242-U43398

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk menyediakan saluran Khas di televisyen yang dapat menyiarkan secara langsung persidangan penuh di Dewan Rakyat supaya orang awam lebih maklum tentang perbincangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen mereka".

**(Perdana Menteri)**

37. PR-1242-U43402

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mendesak agar Kerajaan dapat mewajibkan pilihanraya Kerajaan tempatan supaya perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan kerja-kerja yang diberikan kepada sub kontraktor perlu diawasi oleh kerajaan tempatan bagi mengelakkan penyelewengan".

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

38. PR-1242-U43408

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk menuahkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menangani salah laku Pegawai Polis dimana terdapat terlalu ramai yang ditahan reman mati di dalam lokap".

**(Menteri Dalam Negeri)**

39. PR-1242-U43419

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk ISA dan semua tahanan yang ditahan di ISA dibicarakan di Mahkamah terbuka atau dibebaskan jikalau tidak ada bukti yang mencukupi untuk mendakwa mereka".

**(Menteri Dalam Negeri)**

40. PR-1242-U43421

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mencadangkan bahawa semua jawatan kosong dalam sektor awam dapat diiklankan di dalam semua surat khabar utama supaya orang awam dari semua golongan rakyat dapat memohon jawatan tersebut".

**(Perdana Menteri)**

41. PR-1242-U43424

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mengawal penjualan asid secara terbuka dan menjadikan asid sebagai barang kawalan atau penjual-penjual haruslah menulis nama dan nombor kad pengenalan mereka yang membeli asid bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian pembuangan asid terhadap wanita-wanita yang banyak berlaku sekarang di negara ini."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

42. PR-1242-U43425

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan membina lebih banyak Muzium Memorial yang melambangkan sejarah Malaysia contohnya Yap Ah Loy, Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur bagi mengenang jasa mereka."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

43. PR-1242-U43427

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan undi Pos".

**(Perdana Menteri)**

44. PR-1242-U43429

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan supaya harga petrol dan gula tidak dinaikkan lagi kerana kenaikan harga petrol dan gula secara mendadak kebelakangan ini amat membebankan rakyat kerana harga barang lain juga akan turut naik.Kerajaan harus memastikan bil-bil utiliti tidak dinaikkan."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

45. PR-1242-U43431

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah Cina dan Tamil di kawasan-kawasan yang terdapat ramai pelajar Cina dan Tamil memandangkan peningkatan pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Cina dan Tamil."

**(Menteri Pelajaran)**

46. PR-1242-U43756

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

**(Menteri Pertahanan)**

47. PR-1242-U43407

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan penguatkuasa undang-undang yang lebih tegas tapi adil dalam menangani insiden-insiden yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dewan sedar akan pertimbangan implikasi politik namun keselamatan rakyat dan negara adalah tanggungjawab Kerajaan yang dipilih rakyat".

**(Menteri Dalam Negeri)**

48. PR-1242-U43410

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri menggantung pendaftaran mana-mana parti politik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memperalatkan agama untuk memporak-perandakan ketenteraman hidup rakyat Malaysia pelbagai kaum yang hidup aman damai. Dewan akur bahawa langkah sedemikian perlu bagi mengekalkan perpaduan yang terjalin di kalangan rakyat sejak sebelum Merdeka".

**(Menteri Dalam Negeri)**

49. PR-1242-U43412

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan agar lagu tema 1Malaysia yang diterbitkan Lim Kok Wing Sound and Music Design Academy dijadikan sebagai lagu wajib di setiap sekolah dan pusat pengajian di dalam negara. Dewan sedar tindakan ini mampu memperkuatkkan perpaduan dan mencungkil rasa cinta kepada tanah air."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

50. PR-1242-U43414

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mencadangkan agar pihak Menteri Belia dan Sukan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi gejala rasuah dalam bidang sukan. Dewan mendesak agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dijadikan 'rakan aktif' dalam menangani gejala ini, terutamanya dalam sukan bola sepak negara".

**(Menteri Belia dan Sukan)**

51. PR-1242-U43471

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri membentangkan satu laporan penuh berhubung pelaksanaan kaedah "Saman Ekor". Dewan membuat ketetapan laporan tersebut perlu untuk memperjelaskan kedudukan sebenar kaedah "Saman Ekor" yang telah banyak mengundang debat umum."

**(Menteri Dalam Negeri)**

52. PR-1242-U43476

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan dasar Persekutuan dipatuhi di peringkat negeri, terutamanya di negeri yang ditadbir pembangkang. Dewan mengambil maklum bahawa walaupun Kerajaan negeri mempunyai hak seperti yang termaktub didalam Perlembagaan, namun penyalahgunaan hak tersebut demi kelangsungan politik boleh memudaratkan kesejahteraan rakyat."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

53. PR-1242-U44950

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa-Bersatu pada 18 December 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

**(Menteri Luar Negeri)**

54. PR-1242-U44952

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

**(Menteri Sumber Manusia)**

55. PR-1242-U44876

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuh raya Malaysia."

**(Perdana Menteri)**

56. PR-1242-U44878

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah perlaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan Pindaan 2010 dikuatkuasakan."

**(Menteri Dalam Negeri)**

57. PR-1242-U44880

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

**(Perdana Menteri)**

58. PR-1242-U44881

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan Imbuhan Perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

**(Perdana Menteri)**

59. PR-1242-U44883

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 2 peratus."

**(Menteri Kewangan)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
**(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.5	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia 2010	20 Jun 2011

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri yang Bertanggungjawab</b>
1. 20.6.2011 ( Isnin )	1. YB. Dr Jeyakumar Devaraj (Sg Siput)	1. Kegagalan Lembaga Jururawat memperlindungkan Kepentingan Pelajar Kursus Kejururawatan.	1. YB Menteri Kesihatan
2. 20.6.2011 ( Isnin )	2. YB. Tuan Chua Tian Chang (Batu)	2. Pihak Polis harus bertindak profesional dalam siasatan.	2. YB Menteri Dalam Negeri